



## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel negatif berjudul 'Tanah Kubur Presint 20 Busuk' yang disiarkan melalui segmen Sentral, Berita Harian pada 25 Jun 2010.

Hasil siasatan PPj mendapati, lokasi tapak pembuangan sampah tersebut sebenarnya berada di luar kawasan tanah perkuburan Taman Selatan Presint 20. Kawasan ini adalah kawasan yang tersorok yang belum dibangunkan dan ianya terletak agak jauh daripada tanah kubur yang digunakan sekarang. Sampah yang dibuang pula seperti mana yang dilaporkan oleh akhbar adalah terdiri daripada sampah pukal, sisa binaan, dan sampah landskap. Sampah-sampah ini tidak mengeluarkan bau busuk seperti sisa makanan dan bangkai. Oleh itu, kesan busuk daripada sisa sampah yang dibuang di situ tidak sampai ke kawasan kubur yang sedia ada.

PPj juga mendapati bahawa sampah yang dimaksudkan di dalam artikel tersebut bukanlah daripada sampah kontraktor penyelenggaraan landskap Taman Cabaran Presint 20.

Bagi mengelakkan masalah ini berulang pada masa hadapan, pihak PPj akan mengorek parit dan meletak pengadang di samping menjalankan pemantauan secara berterusan di kawasan tersebut.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

( ZAHARAH SALAMAT )  
Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 28 Jun 2010